

12/10/1997

Pemimpin BN Terengganu ikrar sokong PM

KEMAMAN: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerima pernyataan ikrar daripada pemimpin Barisan Nasional Terengganu menyokong segala tindakannya dalam menangani masalah negara.

Pernyataan ikrar itu ditandatangani semua Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen dan Senator sebagai tanda sokongan padu mereka terhadap kepemimpinan Dr Mahathir.

Ia disampaikan oleh Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad kepada Dr Mahathir selepas pertemuan Perdana Menteri dengan anggota Badan Perhubungan Umno Negeri di sini, semalam.

Antara kandungan ikrar itu ialah menyatakan bahawa rakyat Terengganu menyedari hakikat bahawa negara dan rakyat menghadapi krisis yang boleh menjejaskan kemantapan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan.

(END)